

09 FEB 2003

JHEK-Hasut

JHEK KENAL PASTI SEKOLAH DAN SURAU HASUT PELAJAR BENCI PEMIMPIN

KEPALA BATAS, 9 Feb (Bernama) -- Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) Pulau Pinang sedang mengenal pasti dan memantau kegiatan beberapa sekolah, sekolah pondok dan surau yang membiarkan guru-guru agama menyelitkan syarahan politik dalam pengajaran mereka dan menghasut pelajar supaya membenci kerajaan.

Pengarahnya, Shahril Rejab berkata, guru-guru berkenaan kurang memberi tumpuan kepada pengajaran agama semata-mata, tetapi mengajar supaya pelajar membenci pemimpin-pemimpin kerajaan.

Beliau berkata, pegawai-pegawai JHEK sedang mengenal pasti sekolah dan surau berkenaan serta kegiatan guru-guru terbabit dan laporan mengenainya akan diserahkan kepada kerajaan tidak lama lagi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penerangan mengenai Sekolah Agama Rakyat (SAR) anjuran JHEK dan Biro Penerangan Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang di sini hari ini, yang dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Penerangan dan Perpaduan Negeri, Datuk Jahara Hamid dan dihadiri lebih 120 peserta.

Penerangan mengenai SAR diberikan oleh Anggota Panel Pemikir JHEK, Ustaz Mohd Noor Deris dan Pengarah JHEK Kedah, Haji Hashim Ismail.

Shahril juga berkata, JHEK kini menggunakan tiga pendekatan utama bagi menangani perkara itu iaitu melalui perbincangan dalam kumpulan kecil, gerak gempur dan perkongsian pintar.

Beliau berkata, bagi pendekatan pertama, pegawai-pegawai JHEK mengadakan pertemuan dengan sekumpulan 10 hingga 30 orang untuk memberikan penjelasan mengenai isu-isu agama dan politik yang timbul bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai.

Katanya, pertemuan seperti itu akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapat gambaran sebenar isu itu dan untuk mengelakkan mereka daripada mendapat gambaran yang tidak tepat daripada kenyataan parti pembangkang.

Beliau berkata, bagi program gerak gempur, JHEK memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai hitam dan menganjurkan program-program yang boleh menarik penyertaan masyarakat di sekitar kawasan itu.

Katanya, pada 16 Feb ini, JHEK akan menganjurkan seminar "Pemikiran Dr Mahathir" untuk generasi muda yang terdiri daripada mahasiswa, anggota pertubuhan belia serta pelajar kolej kejururawatan di Kompleks Masyarakat

-- lagi